

27 JAN 1999

Mahkamah-Anwar (Aduan)

TIADA ADUAN TERHADAP ANWAR

KUALA LUMPUR, 27 Jan (Bernama) -- Mahkamah Tinggi di sini, hari ini diberitahu sehingga hari ini tiada aduan atau laporan polis terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana sogokan, rasuah ataupun penyalahgunaan kuasa.

Peguam bela Gurbachan Singh berhujah, sehinggakan bekas Pengarah Cawangan Khas Polis Datuk Mohamed Said Awang dan timbalannya Datuk Amir Junus ataupun pegawai penyiasat SAC 1 Musa Hassan tidak membuat sebarang aduan terhadap Anwar.

"Sudah pasti tiada siasatan terhadap tuduhan jenayah tanpa laporan polis. P56 (laporan polis oleh Mohd Azmin Ali, bekas setiausaha peribadi Anwar) dan P16 (laporan polis oleh ASP Zull Aznam Haron, bekas pengawal peribadi Anwar) bukan aduan terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim," kata beliau.

Beliau berkata, pada hakikatnya laporan polis Zull Aznam dibuat bagi pihak Anwar atas nasihat Mohamed Said dan Amir, oleh itu Anwar merupakan si pengadu dalam laporan itu.

Peguam itu berkata, laporan polis oleh Azmin bukan aduan terhadap Anwar tetap aduan jenayah fitnah terhadap penulis buku "50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM".

"Polis dengan jelas telah menyalahgunakan laporan polis P56 untuk menyiasat Datuk Seri Anwar Ibrahim dan memulakan pendakwaan beliau," katanya.

Beliau berkata, adalah penting untuk mengambil kira yang siasatan P16 ditutup pada Ogos atau September 1997 dan dibuka semula pada 23 Jun 1998, sebelum Perhimpunan Agung Umno dan kenyataan daripada Mohamed Said dan Amir di bawah Seksyen 112 Kanun Keseksaan diambil pada September 1998.

"Datuk Seri Anwar Ibrahim dilucutkan jawatannya pada 2 Sept, 1998 semua ini menunjukkan motif politik dan perkara di sebaliknya," kata beliau.

Gurbachan berhujah di perbicaraan Anwar yang menghadapi empat tuduhan rasuah menyalahgunakan kedudukannya untuk campurtangan dalam siasatan polis berhubung dakwaan salahlaku seks membabitkan beliau.

Anwar, 51, dituduh di bawah Seksyen 2 (1) Ordinan No 22 (Kuasa-kuasa Perlu) Ordinan Darurat 1970 yang membawa hukuman penjara maksimum 14 tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Hari ini, hari ke 48 perbicaraan di hadapan Hakim Datuk S. Augustine Paul dan hari kedua penghujahan oleh pihak pembela.

Gurbachan membaca penghujahan bertulisnya selepas seorang lagi peguam Anwar, Christopher Fernando selesai memberi hujahnya. Seorang lagi peguam Haji Sulaiman Abdullah akan menyampaikan hujahnya esok apabila mahkamah mula bersidang pada 9 pagi.

Hakim itu akan memutuskan sama ada Anwar perlu membela dirinya selepas mendengar hujah kedua-dua pihak dan pendakwa menutup kes mereka.

Mengenai satu lagi perkara, Gurbachan berhujah berdasarkan keterangan Musa, ia dengan jelas menunjukkan pegawai penyiasat tidak menjalankan siasatan daripada semua sudut dan kemungkinan.

"Langsung tiada siasatan untuk melihat sama ada dakwaan itu timbul kerana niat jahat atau dipalsukan bagi motif politik khasnya memandangkan waktu dakwaan itu timbul dan untuk tujuan politik dakwaan itu dimasukkan dalam buku 50 Dalil yang diterbitkan untuk diedarkan semasa Perhimpunan Agung Umno 1998," katanya.

Gurbachan yang berhujah hampir dua jam beberapa kali ditegur oleh Paul apabila beliau mengulangi perkara-perkara yang telah dinyatakan oleh dua

lagi peguam Anwar dalam penghujahan sebelumnya.

Untuk menjimatkan masa mahkamah, Paul berjanji untuk membaca penghujahan bertulis 63 muka surat Gurbachan yang peguam itu sendiri mengaku bertindih dengan penghujahan Fernando dan Raja Aziz.

Mengenai satu lagi perkara, Gurbachan berkata keterangan Mohamed Said, Amir dan dua pegawai "mengejutkan" kerana mereka boleh ingat butir-butir siasatan walaupun tanpa diari kocek mereka.

Gurbachan berkata, rahsia terbongkar apabila ACP Mazlan Mohd Din berkata, beliau diberi kenyataan 112 CPC oleh Musa yang menafikan memberi sebarang kenyataan kepada saksi-saksi memandangkan ia dokumen sulit.

Beliau berkata, terdapat keterangan yang cukup daripada Mohamed Said bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selepas siasatan polis, menolak sama sekali dakwaan itu dan menganggapnya sebagai tidak masuk akal.

"Beliau (Dr Mahathir) berkata, hanya orang bodoh akan percaya dengan tuduhan itu. Tuduhan-tuduhan begitu luar biasa dan tiada siapa yang berfikiran waras akan mempercayainya," kata beliau.

Beliau berhujah yang Anwar harus diberi faedah kesangsian dan berkata mahkamah harus memutuskan yang pendakwa gagal membuktikan kes prima facie terhadap Anwar.

Gurbachan juga berhujah yang semasa Mohamed Said dan Amir memberi keterangan mereka, mereka berada dalam tempoh cuti sebelum bersara dan belum lagi menerima ganjaran and pencen mereka.

Beliau berkata, Amir telah mengaku yang jika mereka melakukan kesalahan, tindakan disiplin akan diambil terhadap mereka dan mereka boleh kehilangan pencen.

Menurut beliau lagi, oleh itu mereka mempunyai tujuan tersendiri untuk menyelamatkan diri mereka. Dengan jelas mereka boleh dituduh membantu dan bersuhabat.

-- BERNAMA

NHD SBB PR